

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH : 2 APRIL 2014

SOALAN :

YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang skim perumahan PR1MA di mana terdapat sebanyak 20,000 unit di Pulau Pinang sepertimana yang diumumkan pada tahun 2013. Di manakah lokasi, jadual pembangunan serta status kemajuan terkini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan rumah bagi setiap kelompok rakyat. Menyedari hakikat ini, pelbagai program telah diwujudkan Kerajaan bagi memastikan rakyat dari pelbagai golongan dapat merasai faedah memiliki rumah sendiri. PR1MA merupakan salah satu program yang dicetuskan untuk membantu golongan berpendapatan sederhana di kawasan bandar serta pinggiran bandar. Kerajaan peka akan isu yang dialami golongan ini di mana kos sara hidup dan harga rumah semakin meningkat.

PR1MA diwujudkan untuk menyediakan perumahan mampu milik yang selesa dan berkualiti khusus untuk golongan berpendapatan sederhana. Rumah-rumah PR1MA dibina di kawasan strategik bandar-bandar utama serta pinggiran bandar di seluruh Malaysia. Rumah-rumah PR1MA adalah terbuka kepada individu atau keluarga (suami dan isteri) dengan pendapatan purata bulanan isi rumah antara RM2,500 – RM 7,500. Harga rumah yang ditawarkan adalah di antara RM100,000 – RM400,000 dan ianya tertakluk kepada lokasi dan jenis spesifikasi rumah berkenaan. Dalam ertikata lain, harga rumah PR1MA adalah sekurang-kurangnya 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran rumah yang mempunyai spesifikasi yang sama di kawasan persekitaran projek perumahan PR1MA tersebut.

Jaminan Kerajaan untuk menyediakan 500,000 unit rumah PR1MA di seluruh Malaysia dalam tempoh lima tahun sudah pun bermula. Bagi

negeri Pulau Pinang, PR1MA sedang mengenalpasti, menganalisa dan mempertimbangkan beberapa kawasan untuk pembangunan PR1MA. Kini PR1MA sedang berbincang dengan pihak pemaju swasta serta dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk tujuan kelulusan pembangunan dan pembinaan. PR1MA mengalu-alukan kerjasama dan cadangan dari pihak Kerajaan Negeri serta pemaju swasta sekiranya mempunyai tanah-tanah di kawasan yang bersesuaian di Pulau Pinang. PR1MA juga akan memaklumkan kepada Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa untuk mencapai kata sepakat di dalam mengadakan pembangunan PR1MA di Pulau Pinang.

Sekian. Terima kasih.